

Siri Kebudayaan Kita

**Adat Perpatih
dan Adat Istiadat
Masyarakat
Malaysia**

Haji Mohtar bin H. Md. Dom

KAT
DS
594
.H63
J.6

Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia

Siri Kebudayaan Kita

Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia

Haji Mohtar bin H.Md.Dom

105240

DOBIS



00000372239



FEDERAL PUBLICATIONS

Kuala Lumpur · Singapore · Hong Kong

Prakata

Penyelidikan telah membuktikan bahawa masyarakat Melayu tebal dan kukuh dengan kepercayaan mereka, adat resam mereka, permainan-permainan asli mereka, tarian-tarian mereka dan berbagai-bagai lagi. Sejarah telah menunjukkan bahawa adat resam Melayu ini dibawa mula-mulanya dari Tanah Hindi (India), dan seterusnya dengan kedatangan ugama Islam ke rantau ini, adat resam ini, dipengaruhi pula oleh Islam.

Sedikit demi sedikit, diperhatikan dengan peredaran zaman, dan pengaruh sains dan teknologi dari Barat, jenis-jenis tahyul, kecenderungan kepada bomoh dan lain-lain lagi ini semakin menghilang. Kalau pun diketahui atau disimpan lagi, unsur-unsur begini masih terdapat di dalam kajian ilmiah atau akademik di Universiti-Universiti dan di Maktab-Maktab, atau lain-lain Institusi.

Di peringkat Maktab Perguruan Bahasa, umpamanya, kajian bercorak akademik begini memang terus-menerus dibuat, dan hasilnya adalah kadang-kadang menakjubkan. Oleh sebab di-khuatiri bahawa pada suatu masa kelak, kiranya usaha-usaha untuk mengekalkan pengetahuan tentang hal-hal ini tidak dibuat, hal-hal ini akan luput, maka sekarang ini dipersembahkan untuk pembacaan umum segala unsur yang berkaitan di dalam beberapa buah buku yang bersiri.

Siri buku-buku ini akan mengandungi antara lain:

1. Tahyul dan Kepercayaan
2. Bomoh dan Hantu
3. Istiadat Perkahwinan Masyarakat Melayu
4. Kepercayaan dan Pantang-Larang
5. Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia.

Apa-apa yang terkandung di dalam siri buku-buku ini adalah dihidangkan untuk bacaan umum di dalam masa lapang. Sungguhpun ianya bercorak ilmiah tetapi ringan untuk dibaca. Bagi pembaca kaum Melayu, adalah diharapkan supaya mereka dapat mengingati semula apa yang telah diikuti oleh orang-orang Melayu turun-temurun. Bagi pembaca yang bukan Melayu,

adalah diharapkan, setelah membaca tiap-tiap satu buku itu, mereka akan lebih faham serta insaf akan adat resam orang-orang Melayu dan dengan itu lebih bersefahaman dengan saudara-saudara mereka kaum Melayu.

Kandungan siri buku-buku ini adalah hasil penyelidikan yang rapi, dibuat mengikut daerah dan negeri di Malaysia ini. Sebagai Ketua, Jabatan Pengajian Melayu, di Maktab Perguruan Bahasa ini, selama lebih 16 tahun, saya berpeluang menyemak dan menyelidik sendiri unsur-unsur seperti yang dijelaskan di dalam tiap-tiap satu buku ini.

Maktab Perguruan Bahasa,
Lembah Pantai,
Kuala Lumpur.
9hb. April, 1977

PENGARANG

Kandungan

1. Adat Perpatih	1
2. Pelbagai Cerita Dari Negeri Sembilan	32
3. Adat Istiadat Masyarakat Malaysia	45

1. Adat Perpatih

Adat perpatih ini adalah adat yang dipakai oleh kebanyakan orang Melayu di Negeri Sembilan dan juga Naning di dalam negeri Melaka.

Sebenarnya istilah *adat* dalam rangkaian kata *Adat Perpatih*, membawa makna yang luas dan pengertian yang dalam. Adat Perpatih itu bukan sahaja tatatertib dan peraturan yang bersangkut paut dengan kebiasaan-kebiasaan dan kelaziman yang kecil seperti adat mengerat pusat, adat mencukur anak dan lain-lain, malah ia merupakan segala peraturan dari yang kecil kepada yang besar termasuklah undang-undang mengenai pentadbiran dan pemerintahan negeri.

Tegasnya Adat Perpatih adalah lengkap dengan segala tatatertib, segala peraturan dan segala undang-undang atau lebih tepat lagi merupakan seolah-olah satu perlembagaan.

Adat Perpatih berasal dari Minangkabau, sebuah negeri yang terletak di sebelah barat Pulau Sumatra, Indonesia. Tempat ini ada diceritakan dalam pantun di bawah ini:

*Aku hilir ke Inderagiri,
Semalam di Padang Panjang,
Di mana adat mula berdiri,
Di Periang, Padang Panjang.*


(‘Periang, Padang Panjang’ ialah nama tempat di dalam negeri Minangkabau).

Menurut sejarah beratus-ratus tahun dahulu ramai orang Minangkabau pergi merantau meninggalkan tanahair mereka. Di antara mereka itu ada yang sampai ke Semenanjung Tanah Melayu. Orang-orang Minangkabau ini membuka negeri-negeri baru di kawasan


3. Adat Istiadat Masyarakat Malaysia

Lawatan dan Kunjungan

Di kalangan masyarakat Melayu, seperti juga beberapa masyarakat lain, kunjung-mengunjung atau lawat-melawat secara biasa adalah digalakkan, terutama antara jiran-jiran tetangga dan sahabat handai. Bagi pelawat beragama Islam apabila sampai ke rumah yang dikunjunginya eloklah ia memberi salam dengan berkata "Assalamualaikum". Bagi pelawat yang bukan Islam pula, semasa tiba di rumah yang dikunjunginya eloklah ia menyeru nama tuan rumah dengan cara yang sopan seperti "Encik Ahmad!" dan sebagainya.



Sebelum masuk ke dalam rumah, pelawat hendaklah menanggalkan kasutnya di muka pintu atau di pangkal tangga kecuali jika tuan rumah membenarkan ia masuk dengan berkasut. Jika pada masa tetamu itu masuk didapati telah ada beberapa orang lain dalam rumah itu dan ia terpaksa lalu di hadapan mereka maka eloklah tetamu itu menundukkan sedikit kepalanya memberi hormat dan berkata "Maafkan saya, minta lalu" sambil berjalan pergi ke tempat duduk yang sesuai.





Adalah dianggap kurang sopan apabila seseorang itu duduk di kerusi bersilang kaki hingga nampak tapak kaki atau tapak kasutnya, terutamanya jika berhadapan dengan orang-orang tua. Jika duduk di atas lantai atau hamparan, orang lelaki lazimnya duduk bersila. Bagi orang perempuan pula, mereka lebih manis duduk bertimpuh. Adalah kurang sopan jika kita duduk berlunjur.

Apabila tuan rumah menghidangkan sedikit jamuan pihak tetamu tidaklah patut menolaknya. Kalau pun ia sudah kenyang ia hendaklah merasa sedikit hidangan yang disajikan itu. Biasanya orang Melayu tidak begitu gemar menerima tetamu pada waktu senja (masa matahari masuk) kerana masa itu waktu sembahyang maghrib. Sekiranya tetamu berhajat juga hendak berkunjung pada waktu malam, eloklah dilakukan selepas waktu sembahyang isyak iaitu kira-kira pukul 8.30 malam.

Bagi masyarakat Cina, semasa mengunjungi rumah orang-orang Cina, tetamu sebaik-baiknya duduk di sebelah kiri tuan rumah sebagai tanda menghormati tuan rumah. Minuman ringan selalunya dihidangkan kepada tetamu secepat yang boleh. Dalam pada itu tetamu jangan pula hendak segera minum kecuali sudah dipersilakan oleh tuan rumah berulang kali.

Adalah dianggap kurang elok mengunjungi rumah keluarga Cina sewaktu mereka makan melainkan kunjungan itu dibuat oleh sebab satu-satu hal yang sangat penting.

Bagi masyarakat India pula, seperti juga kaum Melayu dan Cina kunjung-mengunjung digalakkan antara saudara-mara, jiran tetangga dan sahabat handai. Lazimnya kunjung-mengunjung dilakukan pada hari-hari Tahun Baru, berpindah rumah, kepulangan atau kepemer- gian saudara atau sahabat dari atau ke luar negeri, kelahiran anak, sakit atau kematian dan untuk mengucap tahniah atas sesuatu kejayaan. Sesuatu kunjungan itu seelok-eloknya dilakukan pada hari dan masa yang sesuai. Misalnya, jika membuat kunjungan bagi kali yang pertama dalam masa Tahun Baru (Hindu), atau mengun- jungi rumah orang yang baru berpindah, janganlah berbuat demikian pada hari Ahad atau Selasa atau Khamis kerana hari- hari itu dianggap kurang baik.

Kunjungan untuk mengutip atau memberi wang tidak begitu elok dilakukan waktu sebelah malam. Kunjungan seperti ini tidak sesuai langsung pada hari Jumaat. Semasa memberi salam kaum India mengamalkan berbagai cara; tetapi cara yang biasa ialah me- rapatkan kedua tapak tangan dan mengangkatnya hingga ke dada sambil mengucapkan kata seperti "Vanakkam" (Tamil), "Namasthe" (Hindi) dan "Sastrigal" (Sikh). Salam ini disertakan dengan kata- kata atau pertanyaan mengenai kesihatan, keadaan keluarga, pekerjaan, perniagaan dan sebagainya.

Sebelum masuk ke dalam rumah, kasut hendaklah dibuka dan ditinggalkan di luar pintu. Jika tuan rumah menghidangkan minum- an dan kuih-muih, adalah kurang manis bagi pelawat menolaknya tanpa sebab yang munasabah. Ia hendaklah sekurang-kurangnya menjamah sedikit. Apabila benda diberi atau diterima, pemberi ataupun penerima hendaklah menggunakan tangan kanan. Cara ini adalah sama juga dengan kaum-kaum lain di Malaysia ini.

Apabila pelawat hendak meninggalkan rumah, kata-kata seperti "Saya pergi" hendaklah dielakkan, kerana ini diertikan seolah-olah pelawat itu tidak ingin datang ke rumah itu lagi. Yang baiknya ialah pelawat mengatakan "Saya akan datang lagi" waktu hendak mening- galkan rumah itu. Biasanya tuan rumah mengiringi pelawat sampai keluar halaman rumah dan mengucapkan "Selamat jalan dan datang

lagi”, sambil merapatkan kedua belah tapak tangan dan mengangkatnya ke dada.

Kelahiran Anak

Apabila saudara mara dan sahabat handai mendengar seseorang itu telah mendapat cahaya mata biasanya mereka datang menziarah untuk mengucapkan tahniah. Lazimnya mereka membawa buah tangan atau hadiah untuk bayi yang baru dilahirkan. Mengikut kepercayaan orang Melayu adalah kurang baik jika sahabat handai itu datang menziarahi pada waktu senja dan malam hari. Biasanya orang Melayu terutama di luarbandar tidak berapa gemar kiranya seseorang pelawat itu memuji-muji bayi dengan menyebut perkataan “cantik, comel, molek,” dan sebagainya. Mereka lebih suka disebut dengan perkataan sebaliknya seperti, “eh, buruknya budak ini!” Begitu juga kalau tubuh bayi itu berisi umpamanya gemuk, janganlah disebut “gemuk”, sebutlah “kursemangatnya budak ini!”. Perkataan “kursemangat” ini juga digunakan bagi mengganti perkataan “berat” ketika mendukung atau mengangkat bayi itu. Ibu-ibu yang mengandung mempunyai beberapa pantang-larang yang tertentu. Bagi sahabat-sahabat semuanya, apa yang penting ialah berjaga-jaga supaya tidak memeranjatkannya.

Bagi orang-orang Cina, kelahiran anak juga merupakan satu peristiwa penting. Ibu-ibu kaum Cina sangat mengambil berat terhadap diri mereka sendiri sebelum melahirkan anak. Keluarga Cina mempunyai beberapa kepercayaan semasa ibu mengandung. Misalnya, di dalam bilik ibu, perabut tidak boleh diubah-ubah, terutamanya katil. Memaku di dinding dalam rumah tidak dibenarkan sama sekali. Ibu yang mengandung mesti berjaga-jaga supaya tidak terperanjat terutamanya terkejut dan terpenga-



ruh dengan benda-benda yang tidak baik. Pantang-larang itu diamalkan selama kira-kira sebulan selepas bersalin.

Seperti orang Melayu, orang Cina tidak suka bayi yang kecil itu dipuji "berat badannya". Sebaliknya, kata-kata pujian seperti "gemuk" atau "gemuk macam babi" dapat diterima. Kelahiran seseorang anak biasanya dirayakan apabila ia berumur sebulan. Saudara mara dan sahabat handai memberi hadiah yang boleh digunakan oleh bayi. Hadiah-hadiah itu dibungkus dalam kertas merah. Setengah keluarga merayakan bagi kali keduanya apabila anak itu berumur setahun.

Kelahiran anak juga merupakan satu peristiwa penting di kalangan kaum India. Setelah bayi itu dilahirkan si bapa akan memberitahu saudara-mara dan sahabat handai tentang kelahiran tersebut secara lisan atau melalui surat. Selama enam belas hari semenjak bayi dilahirkan keluarga itu dianggap tidak suci. Suatu upacara diadakan pada hari yang ke enam belas untuk merasmikan penamaan anak itu. Pada hari itu rumah dan buaian dihiasi dan satu kenduri khas diadakan untuk para jemputan. Nama yang akan diberi kepada bayi itu biasanya dipilih dengan teliti setelah merujuk kepada takwim Hindu dan menentukan bintang hari kelahirannya. Nama yang diberikan kepada bayi itu bermula dengan huruf yang bersesuaian dengan bintang tersebut. Waktu memberi nama, bayi itu dipangku oleh orang-orang tua bergilir-gilir dengan iringan lagu-lagu yang dinyanyikan oleh kaum wanita. Saudara-mara yang datang biasanya menghadihkan gelang tangan dan kaki. Pada satu hari yang sesuai (misalnya hari yang ketiga puluh) bayi itu dibawa ke rumah berhala di mana satu majlis kesyukuran dan doa selamat akan diadakan.

Majlis Perkahwinan

Perkahwinan juga merupakan satu peristiwa penting di kalangan kaum Cina. Perkara yang dianggap mustahak dalam perkahwinan kaum Cina ialah pengumuman perkahwinan itu kepada kawan-kawan dan saudara-mara mereka dengan mengadakan jamuan. Besar kemungkinan jamuan itu bergantung kepada kemampuan seseorang. Oleh kerana majlis ini penting maka tetamu-tetamu yang menghadiri eloklah memakai pakaian-pakaian yang cantik berwarna cerah.

Sebaik-baiknya hendaklah dielakkan daripada memakai baju yang berwarna hitam, biru atau pun kelabu kerana warna-warna ini dikaitkan dengan peristiwa sedih oleh kaum Cina.

Apabila tetamu berjumpa dengan kedua pengantin baru itu mereka haruslah mengucapkan tahniah kepada mereka. Tetamu janganlah menceritakan atau menyebut perkataan-perkataan sedih seperti kematian, sakit, bencana atau hantu apabila bertutur dengan kedua pengantin baru itu. Warna merah di kalangan kaum Cina bererti tanda baik dan gembira. Oleh itu sekiranya tetamu memberi hadiah eloklah ianya dibungkus dengan kertas berwarna merah. Sekiranya kertas lain digunakan ia mestilah dibungkus sekali lagi dengan kertas berwarna merah juga.

Bagi kaum India, perkahwinan juga merupakan suatu peristiwa yang penting. Segala istiadat yang dilakukan dipercayai bertujuan menjamin kesejahteraan kedua pengantin dan keluarga mereka. Orang-orang Hindu sangat mengambil berat tentang masa untuk menjalankan sesuatu kerja yang dianggap suci supaya tidak membawa gara-gara yang tidak baik atau di bawah bintang yang buruk. Oleh yang demikian tarikh dan masa itu dipilih dengan teliti selepas merujuk takwim Hindu serta berunding dengan alim ulama atau ahli nujum. Itulah sebabnya istiadat perkahwinan kaum India (Hindu) setengahnya diadakan sebelah tengah malam, waktu subuh atau waktu-waktu yang kadang-kala agak kurang sesuai bagi para jemputan. Upacara itu hendaklah dilangsungkan dalam jangkamasa yang ditetapkan untuk mengelakkan berlakunya sesuatu peristiwa yang buruk kepada kedua-dua pengantin itu. Biasanya jangkamasa itu disebutkan dalam kad jemputan.

Perkahwinan biasanya diadakan di rumah pengantin perempuan atau di rumah berhala dan upacara ini dilangsungkan oleh seorang Sami Brahmin. Upacara perkahwinan ini dijalankan di satu tempat yang berbentuk empat-segi di hadapan pelamin. Sami Brahmin memulakan upacara dengan memasang api dan mengemukakan permintaan kepada Tuhan mereka untuk menyaksikan perkahwinan itu. Oleh kerana itulah istiadat perkahwinan ini dianggap suci dan mulia oleh kaum India beragama Hindu. Para jemputan yang datang ke majlis perkahwinan itu direnjis dengan air wangi serta diberi bunga dan abu cendana untuk dibubuh di tengah-tengah dahi



mereka. Kemudian mereka dipersilakan duduk di atas kerusi atau di atas permaidani. Para jemputan diminta mendoakan kesejahteraan kepada kedua-dua pengantin melalui tiga upacara seperti berikut:

- (i) Para jemputan hendaklah memberkati kedua-dua pengantin dengan menelungkupkan kedua belah tapak tangannya ke atas sebuah talam yang berisi "tali" (dibuat dari benang yang telah diwarnakan dengan kunyit dan diikatkan kepada lambang dewa "sari"), dan kalung bunga khas yang dibawa oleh salah seorang daripada keluarga pengantin lelaki.
- (ii) Manakala sebuah talam lain pula yang berisi beraskunyit

dibawa, para jemputan hendaklah mengambil sedikit beras itu dan menyimpannya sehingga waktu pengantin lelaki mengikat “tali” ke leher pengantin perempuan. Ketika ikatan itu dilakukan para jemputan hendaklah menaburkan beras kunyit ditangannya kepada kedua-dua pengantin itu untuk memberikan tanda berkat kepada mereka.

- (iii) Setelah hampir selesai semua istiadat, beberapa orang antara para jemputan diminta datang ke pelamin untuk memberkati kedua pengantin mengikut suatu istiadat khas. Mereka dikehendaki membuka kasut atau capal sebelum masuk ke kawasan suci. Kemudian mereka mengambil kedua kalung bunga dan sambil memegang kalung itu mereka pohonkan berkat dari Tuhan mereka. Selepas itu mereka menyarungkan kalung bunga itu ke leher kedua-dua pengantin itu. Kemudian mereka mengambil beras-kunyit (yang tersedia) dengan kedua-dua tangan lalu meletakkan sedikit di atas lutut, bahu dan kepala kedua-dua pengantin itu seorang demi seorang.

Istiadat perkahwinan biasanya disertakan dengan bunyi-bunyian muzik yang sesuai. Alat bunyi-bunyian muzik yang digunakan ialah “nathaswaram” (serunai dan gendang). Selepas selesai semua upacara perkahwinan, para jemputan dijamu dengan hidangan sayur-sayuran sahaja. Lauk-lauk



ikan atau daging serta minuman keras adalah dilarang dalam istiadat yang suci itu. Dalam jamuan itu biasanya daun pisang digunakan sebagai pinggan. Cara meletakkan daun pisang adalah mustahak. Jika daun itu dibelah dua pada tulang daun, maka bahagian tulang daun itu hendaklah diletak di sebelah atas. Jika daun itu tidak dibelah dua, bahagian hujung hendaklah diletak di sebelah kiri.

Waktu para jemputan meninggalkan majlis perkahwinan itu mereka diberi lipatan sirih serta buah limau dan direnjiskan air wangi sebagai ucapan terimakasih atas kehadiran mereka. Seseorang perempuan kaum India (Hindu) yang telah berkahwin boleh dikenali dengan Tali di lehernya dan titik Pottu merah di tengah-tengah dahinya.

Kematian


Mengikut ajaran Islam bahawa mayat adalah lebih dimuliakan daripada jasad yang hidup. Sebab itulah orang Melayu berasa marah jika melihat mayat seorang Islam tidak dilayani dengan hormat. Adalah menjadi kewajipan sesuatu masyarakat menguruskan perkebumian mayat hingga selesai. Biasanya apabila seorang Melayu (Islam) meninggal dunia, mayatnya dalam rumah diletakkan di suatu tempat yang mudah diziarahi. Orang-orang Islam yang datang berziarah selalunya berdoa atau membaca ayat-ayat suci daripada al-Quran. Semasa mayat masih ada di dalam rumah biasanya tidak semestinya menghidangkan sebarang jamuan atau pun minuman kepada pelawat-pelawat.

Menurut ajaran Islam mayat hendaklah dikebumikan dengan seberapa segera yang boleh. Sebelum mayat itu dikebumikan ianya dimandi, dikapan dan disembahyangkan terlebih dahulu. Selepas itu barulah dimasukkan ke dalam keranda lalu diusung ke tanah perkuburan. Sahabat handai digalakkan pergi sama ke kubur kecuali wanita yang sedang uzur bulanan atau "datang kotor".

Bila ada sesuatu kematian di kampung, maka waris jauh dan dekat diberitahu akan kejadian itu. Jiran-jiran pula memberitahu kepada sesiapa yang dijumpainya, maka orang-orang yang telah tahu itu datanglah ke rumah yang ada kematian itu dengan membawa sedikit barang-barang umpama biskut, gula, kelapa, kopi, dan

sebagainya. Ada pula yang bersedekah wang mengikut kadar yang terdaya olehnya, ada yang tiada membawa apa-apa tetapi bersedekah tenaga, ada yang mengambil air, ada yang mengetam papan membuat keranda, ada yang menggali liang dan sebagainya. Jiran-jiran juga bersibuk memasak nasi yang akan dimakan oleh mereka yang bekerja dan yang akan membawa mayat ke perkuburan kelak. Begitu jua minuman, seperti air kopi, air teh dan sebagainya untuk membasah tekak mereka yang bekerja.

Setelah siap dimandikan mayat, dikapankan dan disembahyangkan, maka diusung oranglah mayat itu di dalam sebuah keranda. Usungan itu dibuat sendiri dari buluh dan kulit pelepah rumbia atau kayu. Keranda tersebut ditutup pula dengan kain yang bertulis kalimah Asyhadual-la-illahaillallah-wasyhadu-anna Muhammdarasullallah atau lain-lain ayat suci al-Quran yang dipinjam khas dari jawatankuasa mesjid kampung itu.



Apabila sampai ke luar rumah, dengan mengikut adat dan bacaannya, bila hendak bergerak maka usungan itu diangkat tinggi dan keluarga dari si mati disuruh menyusur di bawah usungan itu, kononnya supaya keluarga itu tiada akan merindui si mati itu. Setelah itu usungan jenazah pun dibawalah ke tanah perkuburan untuk dikebumikan dengan segala adat istiadatnya menurut hukum-hukum ugama Islam.

Pada masa dahulu pernah disebut orang kenduri meniga hari, menujuh hari, dua kali tujuh, empat puluh hari, meratus hari. Tetapi sekarang ini oleh sebab ada ulama-ulama yang telah melarang daripada berbuat kenduri yang ditetapkan seperti di atas, maka sedikit demi sedikit kenduri secara itu telah ditiadakan. Sungguhpun begitu, ada juga yang berbuat seperti itu lagi, tetapi tidaklah setepat itu hari perkenduriannya, misalnya pada meniga hari dibuat pada hari yang keempatnya, sungguhpun dibuat pada hari keempat tetapi niatnya adalah meniga jua. Begitulah pada hari yang lain-lainnya.

Bagi masyarakat orang Cina pula pelawat-pelawat seharusnya jangan memakai pakaian yang berwarna-warni sewaktu pergi ke rumah orang mati. Sebaik-baiknya pelawat memakai baju berwarna muram seperti hitam, kelabu dan sebagainya. Apabila seseorang itu memasuki rumah si mati, dia hendaklah membongkokkan badannya sedikit ke hala si mati sebagai tanda hormat. Pelawat keturunan Cina selalunya membawa bersama sepasang lilin putih, "duit kertas" dan lain-lain alat sembahyang untuk diberikan kepada keluarga si mati yang kurang berada. Sekarang, lazimnya pelawat memberi derma atau menghantar kalungan bunga ke rumah si mati. Kadangkadang sekumpulan sahabat atau sesuatu persatuan menyediakan panji-panji yang ditulis dengan kata-kata pujian kepada si mati. Seberapa ramai saudara-mara dan sahabat handai si mati adalah digalakkan mengiringi keranda ke tanah perkuburan atau pun tempat pembakaran. Ketika meninggalkan rumah si mati pelawat biasanya diberi seutas benang merah ataupun gula-gula berikat benang merah sebagai tanda terimakasih. Warna merah itu ialah warna membawa nasib baik dan menghalang hantu syaitan yang cuba mengacau. Gula-gula yang diberi itu boleh dimakan.

Mengikut adat orang-orang berugama Hindu saudara-mara si

mati apabila datang bolehlah membawa kain putih yang baru. Sahabat handai pula boleh membawa karangan bunga. Waktu hendak pulang atau pun meninggalkan rumah si mati, pelawat-pelawat tidak perlu mengucapkan “Selamat Tinggal” kepada sesiapa pun yang ada di rumah itu. Semasa mayat masih ada, kerja masak-memasak dilarang terus di rumah itu. Kaum wanita tidak dibenarkan mengiringi mayat ke tempat membakar mayat. Sebelum kereta keranda bertolak dari rumah, wanita-wanita dari kaum keluarga mengelilingi kereta itu tiga kali.

Setelah kereta itu bertolak, rumah dicuci dan semua orang yang tinggal di rumah mestilah mandi. Sebuah pelita dinyalakan sehingga



selesai istiadat yang diadakan pada hari yang ketiga puluh satu. Mengikut kepercayaan orang-orang Hindu mayat orang dewasa dibakar untuk melepaskan rohnya dari badan. Tetapi mayat ibu yang mengandung dan juga mayat kanak-kanak hendaklah dikebumikan. Pembakaran atau perkebumian dilangsungkan dalam tempoh 24 jam selepas kematian berlaku. Sebelum upacara pembakaran dilangsungkan, biasanya saudara-mara dan sahabat handai dipersilakan membubuh beras ke mulut si mati.

Anak sulung si mati iaitu lelaki (atau saudara lelaki jika si mati tidak mempunyai anak lelaki) membawa di atas bahunya sebuah periuk tanah yang berisi air. Dia mengelilingi mayat itu tiga kali dan tiap-tiap pusingan ditebuknya satu lubang di periuk itu. Ketigatiga lubang itu melambangkan bahawa si mati telah melepaskan diri daripada tanah, perempuan dan emas. Akhirnua dia memasang api pada kayu dan melangsungkan upacara pembakaran itu. Dalam tempoh 31 hari selepas kematian berlaku adalah tidak manis bagi ahli-ahli keluarga si mati pergi ke rumah berhala atau menghadiri majlis-majlis perayaan. Upacara-upacara sembahyang bagi si mati biasanya diadakan pada hari yang ketiga, kelapan dan yang ketiga puluh satu. Saudara-mara dan sahabat handai dijemput ke upacara yang ketiga puluh satu.

Amalan Ugama dan Hari-Hari Perayaan

Mengikut ugama Islam daging babi adalah haram iaitu tidak boleh dimakan. Sebab itulah orang-orang Melayu sentiasa berjaga-jaga supaya tidak termakan daging babi atau bahan-bahan lain yang berkaitan dengannya iaitu seperti "bacon" atau minyak lemak babi "lard". Malahan, ramai yang tidak mahu makan jika diketahuhi mereka bahawa makanan yang dihidangkan telah dimasak atau digoreng dalam periuk atau kualiti selepas memasak sesuatu yang berdaging babi dan sebagainya. Oleh itu apabila sahabat handai bukan Islam mengajak rakan-rakan Melayu makan di restoran atau di rumah amatlah mustahak perkara makan ini diambil berat. Seperti yang tergambar di atas, babi adalah dianggap kotor dalam Ugama Islam. Sekiranya seseorang Islam tersentuh sahaja pun akan babi atau dagingnya, ia terpaksa mencucikan dirinya dengan cara-cara tertentu sebelum ia boleh bersembahyang. Oleh sebab itulah

orang-orang Melayu sentiasa menjauhkan dirinya daripada babi. Bagi pekedai-pekedai yang ada menjual babi, mereka seharusnya mengambil berat tentang perkara ini sebagai menghormati pelanggan-pelanggan Islam.

Satu lagi binatang yang dianggap kotor dari segi Ugama Islam ialah anjing. Jika orang Melayu dijilat oleh anjing ia terpaksa membersihkan dirinya dengan cara-cara tertentu sebelum ia boleh bersembahyang. Sebab itulah orang-orang Melayu tidak gemarkan anjing. Apabila seorang rakan Melayu datang melawat ke rumah sahabatnya yang ada membela anjing, tuan rumah itu sebaiknya hendaklah mengurung, mengikat atau mengawal anjing itu supaya tidak datang dekat dengan tetamunya. Ugama Islam juga melarang penganutnya meminum minuman keras seperti arak dan sebagainya. Sebab itulah kebanyakan orang Melayu tidak menghidangkan minuman keras di rumahnya.

Orang Islam dikehendaki bersembahyang lima kali sehari pada masa-masa tertentu, iaitu seperti berikut:

- | | | |
|---------------------|--------------|-------------------------|
| i. Subuh | lebih kurang | 5.00 – 6.00 pagi. |
| ii. Zohor | lebih kurang | 1.00 – 2.30 tengahari. |
| iii. Asar. | lebih kurang | 4.00 – 6.00 petang. |
| iv. Maghrib | lebih kurang | 6.30 – 7.15 malam. |
| v. Isyak | lebih kurang | 8.00 malam – 4.00 pagi. |

Kita dapat mendengar “azan” yakni panggilan bersembahyang di mesjid-mesjid apabila masuk waktu-waktu tersebut. Azan mengingatkan orang-orang Islam supaya bersembahyang. Orang-orang Islam boleh bersembahyang di mana-mana yang bersih, iaitu tidak mesti di mesjid sahaja. Pada masa seseorang itu bersembahyang ia cuma khushuk mengingatkan Tuhan sahaja. Oleh sebab itu mereka yang berdekatan janganlah hendaknyanya membuat bising hingga boleh menggangukannya. Bagi jiran-jiran pula, mereka haruslah bertimbang-rasa terutama apabila tetangga sedang bersembahyang.

Pada hari Jumaat tengahari, orang laki-laki Islam dikehendaki bersembahyang di mesjid. Pihak majikan sebaiknya hendaklah memberikan mereka masa pergi sembahyang Jumaat iaitu antara pukul 12.30 – 1.30 tengahari.

Dalam bulan puasa (Ramadhan) kesemua orang Islam dikehendaki

daki berpuasa. Yang dimaksudkan berpuasa ialah menahan diri daripada makan dan minum atau perbuatan-perbuatan yang dilarang Tuhan. Biasanya puasa bermula kira-kira pukul lima pagi dan berakhir pada lebih kurang pukul 6.30 petang. Oleh kerana orang yang berpuasa itu tidak makan atau minum adalah baik dan beradab jika rakan sekerja dari ugama lain tidak makan minum atau menghisap rokok di hadapan mereka. Oleh kerana pada siang hari orang-orang yang berpuasa tidak boleh makan dan minum, mereka biasanya "bersahur" yakni makan sekali lagi antara tengahmalam dengan subuh. Oleh sebab itulah dalam bulan puasa kadangkala kita terdengar bunyi orang memasak dan makan pada waktu tengah-malam di rumah orang Melayu.

Bagi orang Melayu, Hari Raya Puasa ialah hari merayakan tamatnya puasa selama sebulan. Biasanya mereka merayakannya selama dua tiga hari walaupun bulan raya itu ialah sebulan. Hari Raya Puasa ialah hari bermaaf-maafan. Saudara-mara serta sahabat handai yang dekat datang menziarahi dan mereka yang jauh mengirim kad "Selamat Hari Raya". Orang Melayu amatlah berbesar hati sekiranya sahabat handai dari berlainan kaum atau pun ugama datang ke rumah bersama-sama merayakan hari kebesaran itu. Pada pagi Hari Raya umat Islam berkumpul di mesjid-mesjid dan surau-sarau untuk bersembahyang beramai-ramai.

Di kalangan orang-orang Islam mesjid dan surau adalah rumah ibadat, iaitu tempat yang suci. Bangunan dan kawasan sekitarnya sentiasa dijaga bersih. Sesiapa yang masuk ke dalam mesjid mestilah menanggalkan kasutnya terlebih dahulu. Orang-orang Islam amat-lat marah melihat rumah ibadat atau kawasannya dikotorkan orang.

Hari Raya Haji disambut pada sepuluh haribulan Zulhijjah bersaing dengan tamatnya umat Islam mengerjakan ibadat haji di Mekah. Seperti Hari Raya Puasa, pada pagi Hari Raya Haji ini umat Islam akan pergi ke surau-sarau dan ke mesjid-mesjid untuk sembahyang Hari Raya. Ziarah-berziarah juga dilakukan kerana ini adalah juga satu hari terbuka bagi orang Islam. Sahabat handai dari keturunan kaum lain dijemput juga datang berziarah. Hari Raya Haji ini dikenali juga dengan nama "Hari Raya Korban" sebagai mengingati peristiwa antara Nabi Ibrahim dengan anaknya Nabi Ismail.

Perayaan Maulud Nabi diadakan pada dua belas haribulan Rabiul-awal (bulan yang ketiga mengikut kelender Islam) bagi merayakan sempena ulangtahun hari keputeraan Nabi Muhammad. Biasanya umat Islam berhimpun di surau atau di mesjid kerana Maulud. Ada juga yang mengadakan Maulud pada bila-bila masa dalam bulan Maulud. Lazimnya tiap-tiap negeri di Malaysia mengadakan sambutan Maulud Nabi secara besar-besaran. Setengah-setengah tempat mengadakan perjumpaan dan perarakan secara besar-besaran.




Hari Tahun Baru merupakan perayaan yang paling penting bagi kaum Cina. Ia menandakan bermulanya tahun. Perayaan ini berlarut selama lima belas hari. Hari Tahun Baru Cina ini bukanlah satu perayaan keagamaan seperti Hari Raya. Mengikut adat dan kepercayaan kaum Cina, untuk menyambut hari kebesaran ini permainan mercun digalakkan. Ia melambangkan berakhirnya tahun yang lama dan bermulanya tahun baru. Bagi orang-orang yang berniaga permainan mercun diharap membawa keuntungan yang lebih dalam tahun baru. Pada Hari Tahun Baru ini digalakkan lawat melawat antara satu sama lain. Kanak-kanak dan mereka yang belum berumah-tangga akan menerima hadiah bungkusan kertas merah berisi "ang pau" (wang hadiah) dari saudara-saudara tua mereka. Tetamu-tetamu dihidangkan dengan bermacam-macam anika kuih-muih, gula-gula dan buah-buahan. Di dalam menyambut hari Tahun Baru ini beberapa pantang-larang diikuti. Pada hari itu kaum Cina dilarang menyapu sampah dalam rumah. Mereka percaya menyapu sampah dalam rumah bererti menyapu keluar segala keuntungan yang mereka akan perolehi dalam tahun baru itu.

Kaum Cina percaya bahawa adab tertib pada hari Tahun Baru sangat penting kerana ia boleh melibatkan penghidupan seseorang pada sepanjang tahun yang akan datang itu. Dengan hal yang demikian perkataan-perkataan seperti "mati", "hutang", "sakit", "kemalangan", "kesusahan" tidak boleh disebut takut ia akan menimpa diri seseorang itu kelak. Perkataan-perkataan yang baik seperti "keuntungan", "kekayaan", "kenaikan pangkat" mestilah diucapkan selalu. Pada Tahun Baru Cina, Tarian Singa adalah satu aktiviti atau acara kebudayaan yang sangat popular di kalangan orang-orang Cina di Malaysia untuk memeriahkan lagi perayaan itu. Menurut fahaman dan kepercayaan mereka, Tarian Singa adalah sama seperti Tarian Naga dipersembahkan untuk menyambut tuah dan kebahagiaan. Barang sesiapa yang mengadakan tarian ini akan bahagialah nasibnya. Hari ketiga dianggap penting untuk membuka atau menjalankan perniagaan kecuali jika sudah dibuka pada hari yang kedua.

Hari Cap Goh Mei ialah hari yang ke 15 tahun baru dan menandakan tamatnya perayaan Tahun Baru Cina. Pada hari ini semua ahli-ahli keluarga berkumpul dan makan malam bersama-sama. Per-

sembahan-persembahan makanan dibuat untuk roh nenek moyang masing-masing. Keluarga Cina juga pergi sembahyang ke kuil-kuil pada hari ini.

Hari Cheng Beng pula biasanya jatuh dalam minggu pertama bulan kedua mengikut kelender orang Cina. Keluarga Cina membuat lawatan ke tanah perkuburan pada hari ini bagi membersihkan kubur ibubapa dan nenek moyang yang telah meninggal serta membaca doa bagi roh mereka. Makanan-makanan dibawa ke kubur-kubur itu sebagai ibadat. Menurut kepercayaan kaum Cina persembahan makanan kepada nenek moyang adalah sebagai satu ibadat dan penghormatan sahaja. Kaum Cina tidak mempunyai kepercayaan yang roh nenek moyang itu datang memakan makanan yang dipersembahkan.



Orang-orang Cina juga merayakan Bulan Ketujuh mengikut kelender mereka kerana mereka mempercayai bahawa dalam bulan ini roh-roh nenek moyang yang sudah mati akan dilepaskan untuk merayau dalam dunia selama sebulan. Kebanyakan keluarga Cina mengadakan persembahan untuk roh-roh ini. Persembahan-persembahan yang merupakan hidangan makanan biasanya diadakan di kuil-kuil dan juga di kawasan-kawasan pasar. Banyak kertas-kertas dan "joss stick" iaitu colok dibakar di tepi-tepi jalan oleh mereka yang bersembahyang untuk roh-roh ini.

Perayaan Kuih Bulan boleh dikatakan perayaan menyambut musim menuai. Perayaan ini jatuh pada hari ke 15 bulan kelapan kelender Cina yang biasanya jatuh pada pertengahan bulan September. Pada hari ini keluarga Cina bertukar-tukar kuih yang dibuat seperti bentuk bulan. Ada juga cerita dongeng tuan puteri bulan dikaitkan dengan hari ini.

Puak Hokkian mempunyai satu peradaban yang tersendiri. Setiap bangsa China pasti akan merayakan Tahun Baru China. Begitu juga dengan puak Hokkian. Menurut kepercayaan dan adat mereka, puak Hokkian mempunyai satu perayaan lain yang dinamakan Perayaan Hari Kesembilan.

Hari Kesembilan atau Perayaan Hari Kesembilan mesti disambut oleh setiap orang daripada puak Hokkian. Perayaan ini disambut di tengah-tengah kesibukan orang Cina merayakan Tahun Baru Cina. Sebab dinamakan Perayaan Hari Kesembilan ialah kerana hari raya ini disambut pada hari yang kesembilan dalam siri perayaan Tahun Baru Cina.

Hari raya ini mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Di negeri Cina semasa Monggol berkuasa, pukulan hebat diberikan kepada keturunan atau puak lain. Mereka dari puak lain ini hidupnya tertindas! Lantaran itu puak Hokkian juga turut dibenci dan diburu! Puak Hokkian merupakan puak yang mendiami selatan negeri China. Kerana beberapa sebab politik dan rasa cemburu maka pada suatu masa orang Monggul telah menyerang dan menghambat puak Hokkian untuk menghapuskannya. Orang Hokkian telah melarikan diri ke kawasan Hanan. Secara kebetulan di kawasan itu terdapat ladang tebu. Puak kecil ini telah masuk ke dalam kawasan tebu ini dan berjaya menyorokkan diri masing-masing. Berhari-hari pihak

Monggul mencari mereka tetapi tidak berhasil. Hingga pada hari kesembilan, usaha mencari*orang-orang itu tidak juga berhasil, lalu mereka pun membatalkan usaha mereka mencari orang-orang Hokkian yang bersembunyi itu.

Orang-orang Hokkian yang menyembunyikan diri itu telah terselamat daripada maut dan mereka amatlah gembira. Maka sebab itulah mereka amat bersyukur kepada kekuasaan Dewa-Dewa mereka iaitu Dewa Langit dan Dewa Bumi dan kepada pokok tebu.

Mereka mempunyai kepercayaan bahawa langit itu bumbung dan bumi tempat mereka berpijak, serta pokok tebu tempat mereka berlindung, kesemuanya merupakan satu rahmat yang amat besar kepada mereka. Lantas mereka menganggap bahawa langit dan bumi sebagai penyelamat mereka; dan mereka amat menghormati tebu yang telah melindungi mereka.

Jelas bahawa di dalam sesuatu perayaan kaum Hokkian, mereka tidak melupakan pokok tebu. Mereka akan menggunakan dua batang pokok tebu. Ini bermaksud, sepasang pokok tebu merupakan satu kekuatan dalam konteks bekerjasama antara mereka. Seperkara lagi, puak Hokkian ini amat suka kepada angka genap, 2, 4, 6, 8, 10, 12 dan seterusnya kerana mereka menganggap bahawa angka genap amat baik sekali! Pokok tebu juga mereka anggap sebagai lambang harmoni dan membawa kepada satu tujuan yang amat baik dan manis.

Perayaan Hari Kesembilan ini merupakan sebahagian daripada perayaan Tahun Baru Cina juga. Perayaan ini dirayakan oleh seluruh kaum yang berasal daripada puak Hokkian. Semua golongan daripada kaum ini, tidak kira darjat atau kedudukan, asalkan mereka kaum Hokkian, dipastikan mereka merayakan hari penuh kenangan ini. Samada orang itu buruh, petani, atau golongan atasan semuanya akan merayakannya.

Persiapan untuk merayakan Perayaan Hari Kesembilan ini seperti juga kaum Cina yang lain menyambut Tahun Baru. Mereka akan membuat kuih, memotong ayam, menyediakan buah-buahan dan kelengkapan lain bermula pada hari yang kelapan. Puncaknya mereka akan bersembahyang pada pukul dua belas tengah malam hari kelapan. Mereka akan memuja kelahiran Dewa Bumi dan Dewa

Langit serta pokok tebu yang telah menyelamatkan mereka. Kemudian pada pagi hari kesembilan mereka berkumpul sekeluarga untuk makan-makan. Perayaan ini tidak terasing daripada siri perayaan Tahun Baru Cina. Tebu amat diperlukan semasa meyambut perayaan ini. Mereka berpendapat bahawa pokok tebu akan mengujukkan kemanisan hidup, dan kerana kelurusan pokok tebu itu akan menjadikan mereka satu puak yang jujur dan ikhlas antara satu sama lain.

Orang Hokkian tidak mudah melupakan hari kemenangan bagi puak mereka. Adalah menjadi kewajiban bagi seseorang dari kaum itu menyambut Hari Kesembilan. Bentuk perayaan dan cara sambutan juga tidak berubah. Keutuhan tradisional membuatkan perayaan itu mempunyai identiti yang tersendiri. Lebih daripada itu mereka lebih insaf terhadap kekuasaan Dewa Langit dan Bumi mereka, yang telah menyelamatkan negara dan nyawa mereka.

Seterusnya, perayaan ini juga mempunyai motif untuk mengeratkan perhubungan antara individu dalam masyarakat kaum Hokkian. Mereka berasa insaf atas kejadian yang dialami oleh datuk nenek mereka. Sekarang, mereka pastikan cuba mempertahankan keutuhan persefahaman itu.

Di dalam beberapa hal, perayaan Hari Kesembilan, walaupun tidak popular, ianya mempunyai tujuan dan keperibadian yang tersendiri. Lantaran itu setiap kaum Hokkian diwajibkan merayakan hari ini dengan semeriah-meriahnya yang termampu oleh mereka. Sungguhpun terdapat perubahan kecil dalam bentuk dan caraambutannya sekarang, perayaan ini tetap berfungsi keselamatan dan kemenangan hasil dari kata sepakat.

Suku Kaum Kek Di Malaysia

Boleh dikatakan kebanyakan orang-orang Cina di Malaysia ini datangnye dari daerah selatan negeri Cina. Di negeri Cina, orang-orang Kek ini kebanyakannya tinggal di daerah Canton. Mereka bersama-sama dengan orang-orang Cina yang lain telah datang ke negara ini pada awal abad yang kelapan belas. Tetapi kalau dikaji dari sudut sejarah dengan lebih lanjut lagi, kedatangan mereka boleh ditarikahkan lebih awal lagi iaitu semasa zaman Kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka. Walau bagaimanapun, kemasukan mereka

secara beramai-ramai ialah pada tahun 1954. Kedatangan mereka ini adalah disebabkan Tanah Melayu pada masa itu sangat kekurangan tenaga buruh di dalam perlaksanaan pembukaan lombong-lombong bijih. Tambahan pula, di masa itu kehidupan mereka di negeri Cina sendiri agak kurang menyenangkan. Lantas mereka mencari jalan keluar dan didapati Tanah Melayu sedia menerima mereka dengan 'tangan terbuka'. Kedatangan mereka ini disertai dengan kebudayaan masing-masing. Adalah lebih tepat jika dikatakan kebudayaan itu kemudiannya telah diubahsuai dengan alam sekitar dan masyarakat kaum-kaum di Malaysia.

Puak kaum Kek menggunakan bahasa Cantonis dan bahasa Kek sendiri di dalam pertuturan mereka sehari-hari. Untuk berhubung dengan suku-suku kaum Cina yang lain mereka terpaksa menggunakan bahasa Mandarin. Itu pun amat sedikit sahaja bilangan mereka yang tahu berbahasa Mandarin kecuali mereka yang bersekolah Cina yang berbahasa pengantar Mandarin.

Boleh dikatakan kebanyakan orang-orang Kek ini suka membuat kerja sendiri. Pekerjaan yang sering mereka lakukan di Malaysia ini ialah melombong, berkebun, berternak dan menjadi buruh-buruh kasar di dalam pembinaan rumah-rumah. Tegasnya, orang-orang Kek ini suka melakukan tugas-tugas yang berat dan kasar sahaja tidak seperti suku kaum Hailam yang gemar dengan perniagaan berkedai makanan dan kerja-kerja ringan. Bagi orang-orang Kek, seboleholehnya mereka akan menggunakan seluruh tenaga anggota keluarga di dalam mencari nafkah hidup. Ini termasuklah penggunaan tenaga kanak-kanak, orang-orang tua dan kaum wanita mereka. Sejak dari kecil lagi mereka telah diasuh supaya rajin bekerja. Mereka boleh menjalani kehidupan dengan sempurna walau di mana sekalipun mereka di tempatkan. Dengan sebab itu suku kaum Kek ini boleh didapati di merata-rata tempat di Malaysia, baik di bandar, di kampung mahupun di kawasan pendalaman dan di pinggir hutan.

Seperti juga dengan suku-suku kaum Cina yang lain, orang-orang Kek ini mengikut ugama nenek-moyang iaitu dengan menyembah Tok Pekong. Di samping itu ada juga di kalangan mereka yang menganuti ugama-ugama lain seperti ugama Budha, Kristian, Islam dan Hindu. Tetapi yang anihnnya, walau apa jua ugama yang mereka anuti kecuali ugama Islam, mereka tetap merayakan Hari Tahun Baru Cina sama seperti orang-orang Cina yang lain.

Di dalam merayakan Tahun Baru Cina pada tiap-tiap tahun, mereka seperti penganut-penganut ugama lain juga akan menyediakan persiapan terlebih dahulu. Sebagaimana yang pernah kita lihat, disaat-saat menjelang hari Tahun Baru banyaklah jenis-jenis kuih tersedia. Yang utama perlu disediakan ialah Kuih Bakul dan Kuih Bulan (Moon Cake), iaitu dua jenis kuih tradisi yang luar biasa. Selalunya sehari sebelum menjelang hari-hari yang berbahagia itu mereka akan mengadakan 'makan sekeluarga', di mana, di saat inilah anak-anak yang terpisah jauh akan pulang menyembah kedua orang ibu-bapa mereka. Tetapi walau bagaimanapun bagi suku-kaum Kek mereka tidak menyambut atau membuat sebarang sambutan pada hari raya yang ketujuh. Sebaliknya mereka hanya sekadar menempatkan sebatang pokok tebu di dalam rumah. Dalam banyak hal tidak ada perbezaan yang ketara di dalam acara menyambut Tahun Baru ini di antara kaum Kek dengan suku-kaum Cina yang lain.

Seperti insan-insan lain yang berkeluarga, orang-orang Kek juga berkeluarga dan menjalankan perayaan hari perkahwinan dengan cara yang tersendiri. Mengikut adat resam mereka, pihak perempuan yang datang meminang pihak lelaki. Di hari perkahwinan itu pengantin lelaki akan diiringi oleh enam orang pengiring yang berpakaian Mandarin iaitu dengan berbaju sutera labuh yang tepinya berbentuk seperti kon. Tetapi buat masa ini mereka lebih gemar memakai pakaian biasa sahaja. Bila sampai di rumah pengantin perempuan, pengantin lelaki akan menyembah kedua ibu dan bapa mertuanya. Selepas itu diadakan sedikit jamuan kesyukuran. Jamuan ini biasanya dihadiri oleh kaum keluarga sahabat handai sahaja. Selesai sahaja jamuan, kedua-dua mempelai akan diarak dengan kereta ke rumah pengantin lelaki pula. Lazimnya di tiap-tiap cermin kereta itu akan diletakkan dengan sekeping kertas merah yang ditulis dengan kata-kata pujian. Tidak ketinggalan juga diikatkan dua batang pokok tebu di kiri kanan pintu kereta itu dengan kepercayaan agar mereka akan mendapat anak sebanyak katam tebu itu dan menikmati kemanisan di dalam kehidupan berumah-tangga. Itulah kepercayaan mereka.

Setelah sekian lama berkahwin, tentu mereka akan melahirkan anak. Di dalam menyambut kelahiran anak ini mereka juga mempunyai pantanglarang dan adat istiadat yang harus dipatuhi.

Sewaktu kelahiran bayi, setiap alat perabut yang ada di dalam bilik persalinan itu tidak boleh diubah. Kalau perkara ini diingkari ianya akan membawa bala atau sial yang berpanjangan. Kemudian tarikh bayi itu dilahirkan akan dicatiti di atas sekeping kertas yang berwarna merah. Kalau bayi itu seorang lelaki, bapanya akan memasangkan dua batang lilin dan di kala inilah rakan-rakan bapanya akan membuat sedikit jamuan minum-minum samsu sebagai menandakan kesyukuran. Bayi yang baru lahir itu juga akan diberi minum sedikit air samsu sebagaimana orang-orang Melayu memberikan sedikit air zam-zam sebagai “membelah mulut”. Setelah itu barulah bayi itu dinamakan.

Setelah kita mengetahui serba ringkas mengenai perkahwinan dan kelahiran di kalangan suku-kaum Kek, akhir sekali bagaimana pula suku-kaum ini menghadapi kematian. Adalah dianggap sial bagi suku-kaum ini jika kematian itu berlaku ke atas kanak-kanak dan orang-orang muda. Mayat si mati itu tidak harus ditempatkan di ruang tamu. Sebaliknya mayat itu hanya boleh ditempatkan di bahagian dapur sahaja. Pada waktu hendak dihantar ke tanah perkuburan, mayat itu akan dibawa melalui pintu belakang. Dipercayai bertambah-tambah sial lagi kalau kematian itu berlaku di luar rumah umpamanya mati di dalam kemalangan atau mati di rumah sakit. Mayat si mati jenis ini akan ditempatkan di kaki lima rumah sahaja.

Tetapi kepada mereka yang mati tua akan mendapat sanjungan. Kadang-kadang mayat itu akan disimpan sampai tujuh hari tujuh malam lamanya di ruang tamu rumah. Sebelum mayat orang-orang Kek dikebumikan, sanak saudaranya akan menyediakan beberapa perkara penting, di antaranya kelengkapan di mana ditulis kata-kata pujian di atas beberapa helai kain yang diikat pada sebatang buluh untuk diarak di hari pengkebumian. Mereka juga akan membuat bentuk rumah, kereta dan kapal daripada kertas yang kemudiannya akan dibakar sebagai tanda kemewahan yang memudahkan si mati di alam barunya kelak. Tidak ketinggalan juga mereka akan membakar wang-wang kertas sebagai simbol kekayaan si mati sewaktu di dunia dahulu.


Di saat hari akhir mayat hendak dikebumikan, sami-sami ugama akan dijemput untuk membaca doa di hadapan ‘long’ (keranda). Di sinilah kesemua jasa-jasa si mati akan disebut semula. Sementara

itu sanak-saudaranya akan memakai baju samada yang berwarna biru atau hitam mengikut apakah hubungan si mati dengan mereka (pangkat ibubapa atau datuk nenek). Sambil sami membaca doa dan memukul loceng, sanak-saudara si mati akan menangis di tengah-tengah kepulan asap colok (joss sticks) yang dibakar berterusan dari hari si mati menghembuskan nafasnyanya yang terakhir.

Akhir sekali, setelah ditetapkan harinya, maka mayat akan dibawa ke tanah perkuburan dengan kereta mayat yang diikuti beramai-ramai. Sepanjang-panjang perjalanan ke tanah perkuburan, kertas-kertas yang berwarna emas dan perak akan ditaburkan, disamping itu diiringi dengan paluan alat-alat bunyi-bunyian yang bising. Sementara itu sanak-saudara si mati akan mengikut dari belakang dengan tangisan yang memanjang.

Begitulah keadaannya serba ringkas cara hidup dan adat resam suku-kaum Kek yang bermula dari kedatangan mereka ke sini sehinggalah sampai ke akhir hayat mereka. Sayugia diingatkan bahawa adat resam mereka ini tidak banyak terdapat perbezaan-perbezaan yang ketara jika dibandingkan dengan suku-kaum Cina yang lain. Namun begitu banyak adat resam mereka yang telah diubahsuaikan dengan keadaan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada berbagai-bagai kaum.

Rumah berhala atau kuil memainkan peranan yang penting dalam kehidupan orang Indian yang berugam Hindu. Rumah berhala melambangkan cakerawala. Tempat duduk dewa di rumah berhala dianggap sebagai tempat pertemuan syurga dan dunia. Dewa dipandang sebagai raja dunia dan manusia ialah rakyatnya. Orang Hindu boleh mengunjungi rumah berhala tiap-tiap hari, atau sekali



seminggu dan pada hari perayaan. Orang-orang Hindu sembahyang tiga kali sehari iaitu sebelah pagi, tengahari dan petang di tempat khas yang disediakan di rumahnya. Pemujaan khas diadakan di rumah-rumah pada hari-hari perayaan. Pada hari-hari tersebut bahagian sebelah atas pintu hadapan rumah dihiasi dengan daun mangga yang diikat dengan benang.

Perayaan-perayaan Hindu jatuh pada masa bulan terang atau masa bulan gelap. Kiraan perayaan Hindu didasarkan kepada takwim Hindu yang dibahagikan kepada dua belas bulan. Tiap-tiap satu bulan dibahagi dua iaitu sebahagian dinamakan masa bulan terang (bertambah besar) dan sebahagian lagi masa bulan gelap (bertambah kecil). Tiap-tiap rumah berhala akan mengadakan sambutan bagi kesemua hari-hari perayaan Hindu, tetapi sesuatu rumah berhala akan memilih hanya suatu perayaan untuk disambut secara besar-besaran. Sungguhpun terdapat lebih kurang dua puluh empat hari perayaan Hindu yang di sambut di negeri kita ini, tetapi biasanya hanya lima hari perayaan Hindu yang disambut secara besar-besaran iaitu:-

- (a) Thaiponggal
- (b) Thaipusam
- (c) Tahun Baru Hindu
- (d) Navarathri
- (e) Deepavali


Perayaan Thaiponggal jatuh pada pertama dalam bulan Tamil Thai iaitu Januari-Februari. Bulan ini dianggap sebagai bulan yang baik untuk melangsungkan perkahwinan dan sebagainya. Dalam bulan itu kerja menuai padi dijalankan. Perkataan "Ponggal" bermakna memasak beras (yang baru dituai) dengan susu lembu dan gula. Perayaan ini boleh juga diertikan sebagai "puja semangat padi". Sebelum hari perayaan Thaiponggal dirayakan rumah dibersihkan dan periuk belangga yang lama dibuang. Pintu hadapan rumah dihiasi dengan tebu, daun mangga dan kunyit hidup. Pada pagi hari "Thaiponggal" kerja memasak "ponggal" itu dijalankan di halaman luar rumah dengan menggunakan periuk belanga yang baru. Apabila "ponggal" itu mulai meruap, lagu "ponggal" dipersembahkan kepada Sang Suria kerana ialah sumber bagi segala tenaga di alam. "Ponggal" itu juga diberikan kepada jiran-jiran dan selepas itu barulah dihidangkan kepada semua ahli keluarga.



Perayaan Thaipusam jatuh kepada masa purnama dalam bulan Tamil Thai juga. Perayaan ini telah menjadi satu perayaan yang paling popular di Semenanjung Malaysia khususnya di

- (i) Batu Caves, Kuala Lumpur.
- (ii) “Kuil Jalan Waterfall” di Pulau Pinang
- (iii) Kuil Sungai Petani.
- (iv) Kuil Maran

Beribu-ribu penganut Hindu berkumpul di kuil-kuil tersebut untuk bersembahyang kepada Dewa Subramaniam dengan membawa susu lembu, madu, buah-buahan sambil menyanyi lagu-lagu keagamaan. Pada hari ini terdapat juga penganut-paenganut Hindu membawa “kavadi” dibuat daripada kayu yang berbagai bentuk dan gaya diarak menuju ke rumah-rumah berhala itu. Mereka berbuat demikian adalah sebagai membayar kaul atau nazar, dan memohon ampun kepada Dewa Subramaniam agar mereka akan dibersihkan daripada segala dosa.



Tahun Baru Hindu ialah pada hari pertama dalam bulan Tamil Citrei (iaitu bulan keempat). Sehari sebelum hari itu tiba rumah dibersihkan dan dihiasi. Pakaian baru disediakan untuk semua ahli keluarga. Pada hari itu orang Hindu mengunjungi rumah berhala untuk bersembahyang. Di situ mereka mendengar ramalan tahun baru itu dibacakan oleh seorang sami Brahmin dari takwim Hindu. Mereka balik ke rumah dan setelah makan bersama-sama dengan keluarga, mereka akan menziarahi sahabat handai dan saudara mara untuk mengucapkan "Selamat Tahun Baru".

"Navarathri" ialah Perayaan Sembilan Malam untuk bersembahyang kepada Devi Shakti dalam bulan Tamil Purtasi (iaitu bulan kesepuluh). Penganut Hindu, khasnya kaum wanita, berpuasa pada siang hari selama sembilan hari itu. Sebelah Petang dan malam diadakan upacara kebudayaan seperti nyanyian, tarian dan drama. Dalam tempoh sembilan hari itu kanak-kanak mengaturng patung-patung di rumah masing-masing dan sebab itu perayaan ini juga disebut "perayaan patung-patung". Pada hari yang ke sembilan suatu istiadat pemujaan Saraswathi (Kala Dewi) diadakan. Dewi Saraswathi ialah dewi yang berkaitan dengan seni dan kebudayaan. Hari itu dirayakan di sekolah-sekolah Tamil. Murid-murid sembahyang untuk diberkati oleh Dewi Saraswathi supaya mereka berjaya dalam pelajaran.

Perkataan "Deepavali" bermakna sebarisan pelita. Pelita-pelita ini menandakan kemenangan "kecerahan" mengatasi "kegelapan" iaitu kebijaksanaan mengatasi kejahilan atau keadilan mengatasi kezaliman. Perayaan ini dirayakan dalam bulan Tamil Aipasi pada masa bulan gelap. Perayaan inilah yang terbesar sekali di kalangan orang Hindu di negeri ini. Pada petang hari sebelum hari Deepavali suatu pemujaan khas akan diadakan bagi saudara-mara yang telah meninggal dunia.

Pakaian baru dan makanan-makanan dipersembahkan kepada roh si mati. Jika sesuatu keluarga menderita kesedihan kerana kematian yang baru sahaja berlaku maka mereka tidak akan merayakan Deepavali. Pada pagi-pagi hari Deepavali pelita dipasang dan kuih-kuih dan buah-buahan untuk upacara ini diletakkan di atas daun pisang bersama-sama dengan pakaian baru. Sebiji kelapa dibelah dan semua ahli-ahli bersembahyang dengan membakar kemenyan atau setinggi. Ketua keluarga mencalitkan sedikit min-

yak di atas kepala tiap-tiap ahli dalam keluarganya. Selepas itu mereka pergi mandi untuk bersuci diri. Di negeri kita ini, Deepavali bukan sahaja merupakan perayaan keugamaan bahkan juga perayaan sosial. Pada hari itu orang Hindu mengadakan rumah terbuka kepada saudara-mara mereka dan sahabat handai dari semua kaum.

Begitulah serba sedikit berkenaan adat dan kebudayaan bagi kaum-kaum di Malaysia, khasnya kaum-kaum Melayu, Cina dan India. Semoga dengan mengetahui sedikit sebanyak latar-belakang adat dan kebudayaan masing-masing kaum kita akan dapat memahami dan seterusnya menghormati antara satu sama lain, dan dari itu akan wujud dan berkekalanlah perpaduan dan rasa muhibbah.



ILMU MEMIMPIN

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN
TUN SERI LANANG
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA